



NEGERI MELAKA

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF MALACCA GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 67  
No. 8

**23hb Februari 2023**

*TAMBAHAN No. 4  
PERUNDANGAN*

---

## M. P.U. 9.

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM  
(NEGERI MELAKA) 2002

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 36

FATWA yang dinyatakan dalam Jadual telah disediakan oleh Jawatankuasa Fatwa di bawah seksyen 35 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002 [En. No. 7 tahun 2002] dan telah dikemukakan kepada Majlis oleh Mufti, bagi pihak dan atas nama Jawatankuasa Fatwa, menurut subseksyen 36(3), dan telah mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong di bawah subseksyen 36(4) bagi penyiaran fatwa itu dalam *Warta* dan telah dimaklumkan kepada Kerajaan Negeri menurut subseksyen 36(6) fatwa itu adalah disiarkan dalam *Warta* di bawah subseksyen itu.

ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM  
(STATE OF MALACCA) ENACTMENT 2002

*FATWA UNDER SECTION 36*

THE FATWA set out in the Schedule was prepared by the Fatwa Committee under section 35 of the Administration of the Religion of Islam (State of Malacca) Enactment 2002 [En. No. 7 of 2002] and has been submitted to the Majlis by the Mufti, on behalf and in the name of the Fatwa Committee, pursuant to subsection 36(3), and the Yang di-Pertuan Agong has given his assent under subsection 36(4) for the publication of the fatwa in the *Gazette* and the State Government has been informed of the fatwa pursuant to subsection 36(6) and the fatwa is published the *Gazette* under that subsection.

## JADUAL/SCHEDULE

1. Ajaran dan fahaman Ilmu Makrifat (Mengenal Allah/Diri) yang disebarluaskan oleh Haji Shaari bin Mohd Yusof melalui buku "Mengenal Diri Ilmu Peninggalan Tok Kenali Kelantan", "Mengenal Allah Ilmu Peninggalan Tok Kenali", ceramah-ceramah yang disampaikan, DVD siri ceramah dan laman sesawang yang digunakan untuk menyebarkan ajarannya adalah sesat dan menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar berlandaskan pegangan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.
2. Antara perkara yang mengelirukan dan menyeleweng dalam Ajaran Ilmu Makrifat (Mengenal Allah/Diri) tersebut adalah seperti yang berikut:

(a) Bercanggah Dengan Fakta Sejarah.

Dakwaan Ilmu Makrifat yang diperoleh adalah peninggalan ilmu Syeikh Daud al-Fatani yang diwarisi oleh dua ulama terkenal, iaitu Tok Kenali dan Tok Selehong adalah satu pembohongan, kerana kedua-dua ulama tersebut tidak sempat berguru dengan Syeikh Daud al-Fatani yang meninggal dunia pada tahun 1846, iaitu lebih 22 tahun sebelum kelahiran kedua-dua ulama tersebut.

(b) Berfahaman *Mujassimah*.

Haji Shaari cuba mentajsimkan Allah dengan makhluk. Meletakkan bagi Allah ada sifat-sifat seperti wajah, tangan, mata. Makhluk adalah bayang wajah Allah, wajah Allah merupakan wajah makhluk, sarung Allah, kulit Allah, persalinan dan pakaian Allah.

(c) Berfahaman *Wahdatul Wujud*.

Haji Shaari menyatakan bahawa tauhid menurut ilmu makrifat adalah penjernihan diri dalam mengesakan segala sifat agar menjadi satu, iaitu *wahdatul sifat*, *wahdatul asma'*, *wahdatul zat* ke dalam Allah yang satu. Oleh itu, apabila roh berjaya dihadirkan dalam sembahyang hingga mencapai tahap "yang disembah itu adalah yang disembah", maka dirinya sendiri akan berubah menjadi wajah Allah.

(d) Berfahaman *al-Hulul wa al-Ittihad*.

Fahaman ini menyatakan bahawa asal semua perkara adalah satu. Manusia juga berasal daripada satu, yakni zat Allah sendiri. Daripada zat Allah, terjadi Nur Muhammad dan kemudian terjadi sekalian makhluk. Manusia itu berasal daripada Allah, maka hendaklah kembali kepada Allah. Asal manusia itu bukan daripada mani, darah, Adam atau Hawa tetapi daripada yang satu, iaitu Allah.

(e) Mendakwa Boleh Melihat Allah Semasa Di Dunia.

Haji Shaari mendakwa Allah boleh dilihat di dunia oleh manusia sebagaimana manusia itu dilihat oleh Allah. Kejelasan melihat Allah itu umpama terangnya cahaya matahari dan menatap wajah Allah secara terus tanpa hijab.

(f) Mendakwa Orang Yang Tidak Mengenal Diri Itu Adalah Lebih Kafir Daripada Orang Kafir.

Haji Shaari mengkafirkkan orang yang tidak mengenal diri dan mengatakan orang yang belum mengenal diri adalah jijik, kotor dan najis. Jika dia mati, maka matinya adalah dalam keadaan kafir.

(g) Mendakwa Tidak Ada Apa-apa Kelebihan Pada Lailatul Qadar.

Haji Shaari turut mendakwa tidak ada apa-apa kelebihan pada Lailatul Qadar. Ia hanyalah gambaran perubahan hati daripada sifat jahil kepada alim, daripada gelap kepada terang, daripada hina kepada mulia dan daripada hidup tanpa Allah kepada memperoleh ilmu mengenal Allah.

(h) Kekeliruan Dalam Pemahaman Nafi dan Isbat Dalam Dua Kalimah Syahadah.

Menurut Ilmu Makrifat Haji Shaari, kalimah ( ﴿ ) memberi makna tiada alam, manusia, bintang, tumbuhan dan seluruh makhluk ini. Manakala ( ﴾ ) pula terbahagi kepada dua “illa” dan “ha” yang memberi maksud isbat atau ada makhluk dalam wajah Allah dan kalimah ( ﴿ ﴾ ) merujuk kepada ketiadaan makhluk.

(i) Berfahaman Liberalisme dan Pluralisme Agama.

Haji Shaari mengatakan bahawa semua agama adalah sama, iaitu menuju Allah yang satu. Perkataan Allah boleh digunakan oleh agama lain dengan menukarkan nama tuhan agama masing-masing, semuanya menuju Tuhan yang satu. Apa yang penting dalam sembahyang apa jua agama adalah zuk dan khusyuk. Oleh itu, apa sahaja sembahyang adalah baik dan yang penting ada zuk dan khusyuk. Agama Islam dan Buddha tidak ada beza. Orang yang tidak mengenal diri sahaja yang mengatakan bahawa agama-agama itu berbeza. Orang yang mengenal diri menganggap semua agama, aliran, fahaman dan mazhab menuju kepada yang satu juga. Pada asasnya, Islam dan Buddha adalah sama. Kedua-duanya bertuhankan Tuhan yang satu, cuma bezanya pada lafadz dan sebutan sahaja.

3. Oleh itu, mana-mana orang Islam adalah diharam dan dilarang:

- (a) menganut, mengamal, menjadi ahli, menjadi pengikut, mengisyiharkan diri sebagai ahli; atau
- (b) memiliki, menyimpan, mencetak, menerbit, menjual, mengedar atau menggunakan apa-apa terbitan, risalah, majalah, buku, media sosial, dokumen, rakaman audio, filem; atau
- (c) mengajar, menyebar, menghidup, membantu, menganjur, mempromosi fahaman dan ajaran, atau menghadiri apa-apa majlis yang dikaitkan dengan ajaran tersebut.

4. Mana-mana orang Islam yang melakukan mana-mana perkara di atas adalah melakukan kesalahan dan boleh diambil tindakan di bawah undang-undang yang berkuat kuasa di Negeri Melaka.

Bertarikh 1 Februari 2023

Dated 1 February 2023

[JMM/BFB(S)600-1/8/1 Jld. 2; PUNM. 700-02/37 Jilid 4]

DATUK SERI UTAMA (DR.) HJ. SULAIMAN BIN MD ALI

*Pengerusi/Chairman*

*Majlis Agama Islam*

*Melaka*